

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

GAGAL PATUH SOP: CIDB NEGERI SEMBILAN TUTUP TAPAK PROJEK PEMBINAAN RUMAH TERES

22 Jun 2021

PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN

Satu Operasi Penguatkuasaan oleh CIDB Negeri Sembilan telah dilakukan ke atas satu tapak projek pembinaan rumah teres di Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Tapak bina ini telah diarahkan untuk menghentikan operasi serta merta oleh pasukan Penguatkuasaan CIDB Negeri Sembilan kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

- Beroperasi dengan kapasiti melebihi 60% pekerja di tapak bina; dan
- Rumah penginapan pekerja yang disediakan tiada kelulusan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Atas kesalahan ini CIDB telah mengenakan tindakan seperti berikut:

- i. Mengeluarkan Notis N3E/2021 (Kesalahan di bawah Kewajipan Kontraktor) (Gagal Mematuhi SOP MKN PKP 3.0);
- ii. Mengeluarkan Notis N2/2015 (Notis Kemukakan Maklumat);
- iii. Mengeluarkan Notis Pemberitahuan (Kesalahan di Bawah Kewajipan Kontraktor) (Seksyen 34B);
- iv. Mengeluarkan Notis N9/2015 (Arahan Hadir);
- v. Menampal Notis Penutupan Tapak bagi Kesalahan Pelanggaran SOP COVID-19 MKN; dan
- vi. Menyita Tapak Bina dengan penggunaan pita Larangan Masuk.

LATARBELAKANG

Sebanyak 150 tapak pembinaan diarah tutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak 1 Jun lalu, berikutan kegagalan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19.

Sejak PKP 3.0 dilaksanakan, sebanyak 2,423 tapak pembinaan telah diperiksa oleh CIDB. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 446 (18%) tapak pembinaan didapati beroperasi, manakala sebanyak 1,977 (82%) tidak beroperasi.

Daripada 446 tapak yang beroperasi didapati 150 tapak pembinaan (34%) tidak mematuhi SOP, manakala 296 (66%) tapak lagi mematuhi SOP. Kesemua 150 tapak pembinaan tidak mematuhi SOP berkenaan telah diarah tutup serta merta. Bagaimanapun 11 daripada tapak pembinaan yang diarah tutup telah pun dibenarkan dibuka semula, selepas mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.

Daripada 150 tapak pembinaan yang ditutup sebanyak 45 terletak di Sarawak, di Selangor (24 tapak pembinaan), Melaka (16), Pulau Pinang (10), Terengganu (10), Sabah (9), Johor (7), Kuala Lumpur (6), Pahang (6), Perak (5), Kedah (4), Negeri Sembilan (4), Perlis (3) dan Kelantan (1).

Manakala 11 yang dibuka semula selepas didapati mematuhi SOP terletak di negeri Terengganu (4), Melaka (3), Johor (2), Kuala Lumpur (1) dan Kedah (1).

PERINGATAN

Penggiat industri pembinaan perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP 3.0** terkini yang boleh dimuat turun dari www.cidb.gov.my. CIDB boleh menutup tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990), boleh dibawa ke prosiding tindakan tatatertib kontraktor. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah penalti tidak melebihi RM500,000.00 dan/atau penggantungan dan/atau pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

#####



